

TERMA DAN SYARAT

**PERTANDINGAN i-POSTER *RADIATION IN OUR LIVES* / SINARAN DALAM
KEHIDUPAN KITA PERINGKAT KEBANGSAAN**

ANJURAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LPTA)

PENGENALAN

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) yang merupakan agensi penguatkuasaan aktiviti tenaga atom di Malaysia di bawah Kementerian, Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI), telah diberi mandat untuk menganjurkan Minggu Sains Negara 2020 Peringkat Negeri Perak. Bersempena dengan penganjuran Minggu Sains Negara 2020 Peringkat Negeri Perak, satu pertandingan peringkat kebangsaan akan diadakan iaitu Pertandingan i-Poster.

Pertandingan i-Poster (*Informative/Interactive Poster*) bertemakan ***Radiation In Our Lives*** atau dalam Bahasa Malaysia, **Sinaran Dalam Kehidupan Kita** adalah satu pertandingan mereka bentuk (*design*) risalah poster yang mengandungi maklumat ringkas dan mudah difahami semua lapisan masyarakat mengenai sinaran dalam kehidupan kita. Sinaran yang dimaksudkan adalah sinaran mengion atau sinar radioaktif. i-Poster yang dimaksudkan juga adalah berbentuk **media digital** seperti infografik dan ilustrasi digital. i-Poster yang dihantar boleh juga berbentuk *animated poster/interactive poster*. Contoh i-Poster adalah seperti di **Rajah 1**.

Tarikh Mula Penyertaan : 1 Mei 2020

Tarikh Tutup Penyertaan : 30 September 2020

TERMA & SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan dibuka kepada pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia, tidak terhad kepada sekolah kerajaan sahaja.
2. Pertandingan dibuka mengikut **2 kategori** iaitu kategori sekolah rendah dan kategori sekolah menengah.
3. Hadiah pertandingan bagi setiap kategori adalah seperti berikut :
 - a) Hadiah Tempat Pertama : wang tunai RM1500 + sijil penyertaan
 - b) Hadiah Tempat Kedua : wang tunai RM1000 + sijil penyertaan
 - c) Hadiah Tempat Ketiga : wang tunai RM750 + sijil penyertaan

4. Sijil penyertaan juga akan diberikan kepada setiap peserta (individu dan kumpulan) yang menyertai pertandingan ini.
5. Penyampaian hadiah akan diadakan pada tarikh dan lokasi yang akan diumumkan kelak.
6. Tema i-Poster hendaklah berlatar belakangkan sains fizik, biologi, kimia atau apa-apa fakta mengenai sinaran mengion atau radioaktif dalam **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.
7. Penyertaan dibuka kepada individu atau berkumpulan, dimana **satu (1) kumpulan** hanya dianggotai oleh **dua (2) orang** peserta sahaja.
8. Peserta mestilah warganegara Malaysia.
9. Penyertaan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2020. Penyertaan yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan diterima. Penyertaan hendaklah dihantar kepada:

Urusetia

Pertandingan i-Poster LPTA

Alamat emel : corporate@aelb.gov.my

10. Format penyertaan boleh dihantar di dalam fail salinan lembut berbentuk .pdf dan .jpeg. Saiz poster adalah 20 inci x 30 inci (*portrait*).
11. Contoh perisian yang boleh digunakan untuk pertandingan ini adalah seperti Microsoft Powerpoint, Adobe Illustrator, Adobe Photoshop ataupun mana-mana perisian berbentuk *open-source* yang terdapat di Internet.
12. Penyertaan hendaklah memaparkan kegunaan sinaran mengion atau radioaktif secara aman sahaja dan bukan bersifat sebaliknya(contoh: untuk pembuatan senjata pemusnah) yang boleh menimbulkan salah faham serta persepsi negatif kepada masyarakat.
13. Penyertaan yang berunsur provokasi, politik, atau menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, agama dan fahaman akan dibatalkan.
14. Fakta/maklumat yang terkandung hendaklah daripada sumber ilmiah yang sahih/dipercayai dan peserta hendaklah memasukkan maklumat sumber

- rujukan di dalam poster tersebut.
15. Penyertaan adalah percuma. Pemenang akan dipilih berdasarkan kepada hasil yang kreatif dan menarik serta maklumat yang tepat. Pemilihan pemenang akan dilakukan oleh juri professional yang dilantik.
 16. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/diciplak. Jabatan LPTA mempunyai hak untuk menggugurkan penyertaan atau menarik balik hadiah yang telah dimenangi sekiranya didapati poster yang dihantar adalah tidak asli, diplagiat atau melanggar hakcipta mana-mana pihak ketiga.
 17. Jabatan LPTA tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya peserta didapati melakukan kesalahan plagiat atau melanggar hakcipta mana-mana pihak ketiga. Dengan penyerahan hasil karya kepada Jabatan ini, peserta mengakui dan membuat representasi bahawa setiap elemen di dalam hasil karya tersebut tidak melanggar hakcipta mana-mana pihak ketiga atau apa-apa undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia atau keduanya.
 18. Hakcipta i-Poster tersebut adalah hakmilik peserta. Walaubagaimanapun, Jabatan LPTA berhak menggunakan semua hasil karya yang dipertandingkan untuk tujuan pengiklanan dan promosi serta lain-lain tujuan tanpa kebenaran ataupun bayaran kepada peserta.
 19. Jabatan LPTA berhak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini pada bila-bila masa sekiranya perlu.
 20. Borang penyertaan adalah seperti **Lampiran 2**.
 21. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

**Urusetia
Pertandingan i-Poster Sinaran Dalam Kehidupan Kita
Peringkat Kebangsaan
Minggu Sains Negara 2020**

**No Telefon : 03 8922 5888 samb. 5894
Alamat Emel : corporate@aelb.gov.my
Facebook : [facebook.com/aelb.my](https://www.facebook.com/aelb.my)
Instagram : [Instagram.com/aelb_malaysia](https://www.instagram.com/aelb_malaysia) (@aelb_malaysia)
Twitter : twitter.com/myaelb (@myaelb)**

LAMPIRAN 2

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN i-POSTER
RADIATION IN OUR LIVES / SINARAN DALAM KEHIDUPAN KITA
PERINGKAT KEBANGSAAN
ANJURAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LPTA)**

NAMA PESERTA PERTAMA (P1):	
NO KAD PENGENALAN P1 :	
NO TELEFON P1 :	
ALAMAT EMEL P1 :	
NAMA PESERTA KEDUA (P2) (SEKIRANYA BERKUMPULAN) :	
NO KAD PENGENALAN P2 :	
NO TELEFON P2 :	
ALAMAT EMEL P2 :	
SEKOLAH :	
ALAMAT SEKOLAH :	
NAMA GURU PENGIRING :	
NO KAD PENGENALAN GURU PENGIRING :	
NO TELEFON GURU PENGIRING :	
ALAMAT EMEL GURU PENGIRING :	


- Sila isikan borang dengan menggunakan **HURUF BESAR**
- **Terma dan Syarat** pertandingan adalah seperti di **Lampiran 1**

Maklumat di atas adalah benar dan penyertaan ini akan mematuhi semua terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Sekian terima kasih.

Disahkan oleh,

Nama :
Tarikh :

SINARAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN



CONTOH i-POSTER